

24/08/2003

Bandi tak ajak peminat puja syaitan!

Khairull Azleyana Ishak

"HENTIKANLAH mengaitkan penampilan saya dengan budaya kuning kerana menilai seseorang daripada luarannya adalah satu tindakan yang serong dan melulu," begitulah luahan Nashabandi atau lebih dikenali sebagai Bandi Amuk yang menggegarkan dunia hard rock dan metal tanah air selepas muncul dengan lima album terdahulu seperti Tanpa Prejudis (1998), diikuti Tak Relevan (1999), Akar dan Bumi (2000) dan Dikir Timur (2001).

Bangga dengan aliran irama metal yang diperjuangkan, artis yang bernaung di bawah label EMI Malaysia ini mempersoalkan kebenaran tuduhan itu kerana menurut Bandi, dia masih terus menonjolkan keunikan bersama sentuhan orkestra dan rentak joget malah lebih kemelayuan dalam albumnya yang terdahulu.

"Amuk bangga membawa muzik metal yang serasi dengan jiwa peminat muzik tempatan. Kami tidak malu memasukkan elemen kemelayuan bagi menampilkan kelainan. Melihat sambutan ramai, kami percaya ia memenuhi cita rasa generasi baru," katanya.

Menurut Bandi, dia kesal cemuhan individu yang tidak cuba mendekati dirinya atau cuba menikmati setiap lagu yang dipersembahkannya di pentas.

"Saya tidak pernah mengajak peminat saya memuja syaitan. Sebaliknya saya menasihatkan mereka untuk menjadi insan dan rakyat yang cintakan bangsa dan negara.

"Saya sering mengingatkan mereka mengenai perkara yang baik dan yang salah. Malah lagu yang saya sampaikan juga kebanyakannya mengajak mereka mengenali siapa diri mereka yang sebenar dan penuh pengajaran.

"Lagu Khalifah Yang Sempurna misalnya melambangkan pemimpin negara kita yang begitu berwibawa iaitu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dalam Semak pula mengupas kisah keruntuhan akhlak dan mencela perbuatan membuang bayi. Akar dan Bumi pula mengingatkan pendengar akan asal usul dan tidak lupa diri apabila berada di puncak," katanya.

Begitu juga Aku Mahu Pulang, kisah penagih dadah yang insaf dan ingin kembali ke pangkuan masyarakat. Semua itu adalah nasihat yang Bandi cuba sampaikan dalam bentuk yang mudah untuk didekati anak muda.

"Saya tidak ajar mereka melakukan perbuatan jenayah atau meruntuhkan moral anak muda. Kenapa dipersoalkan keadaan penonton yang mengganggu kepala ketika menonton konsert saya sedangkan itu hanyalah cara mereka menikmati muzik keras yang thrash, alternatif dan heavy metal.

"Orang dengar lagu asli pun ada yang angguk kepala sambil goyang kaki. Tak pula disalahkan," kata Bandi yang kesal dengan sikap sesetengah pihak yang masih menyalahkannya.

"Saya tidak berniat menyalahkan sesiapa atau menimbul isu baru lagi. Namun saya cuma berharap diberi keadilan dalam perjuangan seni saya," katanya yang turut kesal apabila ada peminat yang turut diperlakukan dengan kasar ketika menghadiri konsertnya.

"Mereka bayar dengan duit mereka sendiri untuk menonton konsert saya. Walaupun cuma RM2 namun mereka adalah peminat yang amat saya hargai," katanya lagi yang tidak terhina dengan gelaran band murahan kerana peminat lebih mengenalinya malah pengiktirafan platinum menjadi ukuran kejayaannya.

Ditanya perancangan masa depannya, Bandi berkata, dia sedang berusaha melatih beberapa remaja yang disifatkannya mempunyai bakat besar dan diharapkan bakal menjadi pelapisnya apabila bersara nanti.

"Amuk Junior masih dalam perancangan dan kemungkinan besar mereka juga

akan memakai topeng seperti saya. Kumpulan ini dianggotai empat pelajar berusia 11 hingga 15 tahun," cerita Bandi yang masih enggan mendedahkan siapa anggota Amuk Junior itu.